



**Ucapan Perasmian Yang Berhormat Senator Dato' Maznah Mazlan
Timbalan Menteri Sumber Manusia**

Merangkap

Pengerusi Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

SEMPENA SEMINAR KESIHATAN PEKERJAAN KEBANGSAAN 2012

Tarikh : 11 Oktober 2012

Masa : 12.00 tengahari

Tempat : Auditorium Utama Hospital Kuala Lumpur

Anjuran : Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
Hospital Kuala Lumpur

Assalamualaikum warahmatullah hi wabarakatu

Selamat pagi dan Salam 1 Malaysia.

1. Terlebih dahulu saya berasa sangat gembira dan bersyukur kepada Allah S.W.T kerana berpeluang bersama-sama dengan hadirin sekalian pada hari ini sempena **Seminar Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan 2012**. Jutaan terima kasih saya ucapkan di atas komitmen hadirin sekalian untuk hadir pada hari ini.
2. Saya juga ingin mengucapkan ribuan **terima kasih kepada pihak penganjur** iaitu Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (**JKKP**) melalui Bahagian Kesihatan Pekerjaan dan Jawatankuasa OSH MP-15 Strategi 2 Program 2 dengan **kerjasama** Hospital Kuala Lumpur (**HKL**) bagi menjayakan seminar Kesihatan Pekerjaan di peringkat kebangsaan. Saya dimaklumkan peserta pada hari ini terdiri seramai lebih kurang 200 peserta yang terdiri daripada pegawai-pegawai perubatan serta pergigian, paramedik, jururawat dan insperktor kesihatan yang bertugas sebagai barisan hadapan (frontliners) di institusi masing-masing dari seluruh negara.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

3. Seminar seperti ini sangat penting dalam meningkatkan pengetahuan di kalangan anggota kesihatan dalam mengenalpasti penyakit dan keracunan pekerjaan di kalangan pesakit yang hadir bagi mendapatkan rawatan. Seterusnya dapat meningkat kepekaan untuk melaporkan penyakit atau keracunan pekerjaan dari hospital, klinik atau pusat kesihatan awam.

Secara tidak langsung, program ini dapat mendedahkan kepada anggota kesihatan mengenai hazard-hazard kesihatan yang mungkin wujud di hospital, makmal atau pusat penyakit dan berisiko yang membawa kepada penyakit pekerjaan kepada diri mereka serta langkah kawalan yang wajar diambil.

4. Hazard kesihatan pekerjaan secara umumnya terdiri daripada 5 kategori iaitu hazard fizikal, kimia, biologikal, ergonomik dan psikososial. Antara contoh penyakit pekerjaan iaitu penyakit pekak disebabkan kebisingan pekerjaan. Di dalam perundangan Akta Kilang dan Jentera 1967, Peraturan-peraturan Kilang dan Jentera (Pendedahan Bising) pekerja tidak boleh terdedah melebihi 90dB (A) secara berterusan atau melebihi had-had yang dinyatakan di dalam Jadual Pertama atau melebihi dos bising harian satu serta tiada pekerja boleh terdedah kepada paras bising melebihi 115 dB(A) pada bila-bila masa.
5. Selain itu, pekerja yang terdedah kepada bahan kimia, habuk kayu yang membawa kepada alahan atau keradangan kulit akan mengakibatkan penyakit kulit kepada pekerja. Bagi pekerja yang terdedah kepada habuk atau bahan kimia seperti asbestos, silica, simen, sekam padi dan sebagainya akan menyebabkan pekerja mendapat penyakit pada paru-paru.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

6. Statistik berkaitan penyakit dan keracunan pekerjaan yang dilaporkan kepada JKKP menunjukkan peningkatan dari 319 kes pada tahun 2005 kepada 1198 kes pada tahun 2011. Hal ini menunjukkan peningkatan sebanyak 275% dalam tempoh 6 tahun. Walau bagaimanapun, jika di teliti statistik pada dua tahun yang lepas, kes penyakit pekerjaan yang dilaporkan pada tahun 2010 adalah sebanyak 1426 kes berbanding tahun 2011 sebanyak 1198 kes. Secara keseluruhannya, jumlah ini menunjukkan penurunan sebanyak 15.9%.

7. 3 jenis penyakit pekerjaan yang mencatatkan jumlah kes tertinggi iaitu penyakit hilang pendengaran disebabkan bunyi bising di tempat kerja sebanyak 867 kes dilaporkan pada tahun 2011. Manakala 1173 kes dilaporkan pada tahun 2010. Ini menunjukkan penurunan sebanyak 26%. Kedua ialah penyakit kulit akibat pekerjaan sebanyak 102 kes pada tahun 2011, dan 106 kes pada tahun 2010. Menunjukkan penurunan sebanyak 4% dan yang ketiga penyakit paru-paru akibat pekerjaan sebanyak 101 kes pada tahun 2011 dan 63 kes pada tahun 2010. Hal ini menunjukkan peningkatan sebanyak 37%.

8. Daripada jumlah 1198 kes yang dilaporkan pada tahun 2011, sektor pengilangan mencatatkan bilangan penyakit dan keracunan pekerjaan disiasat paling banyak iaitu 559 kes (73%). Ini diikuti oleh sektor kemudahan sebanyak 92 kes (12%) dan sektor perkhidmatan awam sebanyak 81 kes (11%).

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

9. Daripada statistik ini, penyakit pekerjaan di kalangan kesihatan awam juga harus diambil kira. Sebanyak 63 kes penyakit pekerjaan dilaporkan di kalangan kakitangan kesihatan awam pada tahun 2011. 44 kes darinya (69.8%) merupakan penyakit aru-paru pekerjaan seperti penyakit tuberculosis (TB), 6 kes (9.5%) merupakan penyakit kulit pekerjaan, 1 kes masalah psikososial turut dilaporkan. Kementerian telah menjalankan kajian masalah sakit belakang bawah (low back pain) di kalangan jururawat di Malaysia pada tahun 2008. Kajian ini menganggarkan bahawa sebanyak 44 433 orang jururawat di Malaysia pernah mengalami masalah sakit belakang bawah sepanjang tempoh pekerjaan dengan prevalens sebanyak 63.3%.
10. Bagi institusi pekerjaan yang mencarum dengan PERKESO, tuntutan boleh dibuat melalunya. Manakala bagi penjawat awam, pampasan penyakit khidmat (ex-gratia) merupakan mekanisma yang wujud bagi memastikan kakitangan kerajaan yang ditimpa bencana kerja menerima bantuan sewajarnya. Seramai 9 orang kakitangan awam disahkan sebagai penyakit khidmat pada tahun 2010, 13 orang disahkan pada tahun 2011 dan 5 orang sehingga September 2012.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

11. Untuk maklumat, JKKP menguatkuasakan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan Akta Kilang dan Jentera 1967 yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Secara terperinci perundangan yang berkaitan penyakit pekerjaan ialah Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pemberitahuan mengenai

Kemalangan, kejadian Bahaya, Keracunan Pekerjaan dan Penyakit pekerjaan) 2004 atau dikenali dengan NADOPOD. Berdasarkan kepada peraturan ini, ada menyatakan keperluan pengamal perubatan berdaftar atau pegawai perubatan untuk melaporkan sebarang penyakit atau keracunan pekerjaan dalam tempoh tujuh hari kepada Ketua Pengarah dalam borang yang diluluskan. Penalti jika melanggar peruntukan Peraturan ini didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

12. Disamping penguatkuasaan perundangan, Kementerian Sumber Manusia melalui JKKP telah menjalankan inisiatif dalam memastikan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Malaysia terjamin. KSM telah meratifikasi Promotional Framework for Occupational Safety and Health Convention (No 187) pada 7 Jun lalu. Ini menunjukkan komitmen kerajaan dalam menitikberatkan keselamatan dan kesihatan pekerja di tempat kerja dengan pengurangan kadar kemalangan Negara. Hal ini sekaligus meningkatkan imej Malaysia di peringkat antarabangsa dengan membantu pelabur dan penekspat dalam meyakinkan keprihatinan kerajaan terhadap perburuhan Negara yang mengamalkan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Konvensyen ini dilaksanakan bersama JKKP dengan menyusun strategi yang terdapat di dalam Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2015 (OSH –MP15) yang dilancarkan Perdana Menteri.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

13. Dengan ini diharapkan agar semua anggota kesihatan yang hadir pada hari ini dapat meneruskan usaha murni agar golongan pekerja bukan

sahaja selamat malah sihat sepanjang tempoh berkerja serta setelah tamat tempoh bekerja kelak. Disamping itu, melalui seminar ini, penyakit pekerjaan seperti masalah psikososial akan dilaporkan dan lebih prihatin terhadap masalah ini memandangkan masalah psikososial kurang dilaporkan dan juga penyakit pekerjaan dapat dikesan lebih awal.

14. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dengan kerjasama Hospital Kuala Lumpur kerana menjayakan seminar pada hari ini.

15. Dengan kata-kata tersebut, saya dengan ini merasmikan **Seminar Kesihatan Pekerjaan peringkat kebangsaan 2012.**